

Malaysia tentang pencerobohan

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia mahu Kuwait dibebaskan segera tetapi tanpa membabitkan sebarang pemusnahan ke atas Iraq, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan bersetuju Kuwait dibebaskan, tetapi kerajaan tidak pernah bersetuju Iraq harus dimusnahkan dalam proses pembebasan Kuwait itu.

"Kita boleh terima kalau tentera Iraq diserang dalam usaha melepaskan Kuwait daripada cengkaman Iraq, tetapi kita menentang tindakan menggugurkan bom di semua tempat tanpa mengambil kira sama ada ia kawasan ketenteraan atau awam," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan pemberita mengenai pendirian terbaru kerajaan berhubung krisis Teluk, dalam sidang akhbar selepas mengumumkan kenaikan awal gaji kakitangan kerajaan, di sini hari ini.

Katanya, Malaysia tidak pernah memihak kepada mana-mana negara berhubung krisis Teluk, sebaliknya sentiasa berpegang kepada pendirian menentang penaklukan sebuah negara ke atas negara lain.

Beliau memberi contoh penentangan kerajaan terhadap tindakan Vietnam yang cuba menakluki Kampuchea, pen-

cerobohan Russia ke atas Afghanistan dan Amerika Syarikat ke atas Panama.

"Kita berpegang kepada konsep keadilan, bukan seperti pembangkang yang berpihak kepada Iraq secara terbuka. Kita juga mengambil sikap menyelesaikan masalah secara perundingan sepertimana kita lakukan dengan Thailand berhubung isu sempadan.

"Oleh itu, kita desak Iraq supaya keluar dari Kuwait seberapa segera. Kalau Iraq boleh menakluki Kuwait dalam tempoh 24 jam, tidak ada sebab ia tidak boleh keluar dari Kuwait dalam tempoh yang sama," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh mempertikaikan hak pemerintah Kuwait untuk meminta bantuan mana-mana negara dalam usaha membebaskan negaranya.

Dalam hal ini, katanya, bukan bermakna Malaysia berpihak kepada Amerika tetapi kerana menyedari "kita sendiri tidak dapat membantu Kuwait dan kita dukacita akhirnya peperangan meletus di Teluk."

Menurutnya, jika persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dapat diadakan kelak, Malaysia akan membuat gesaan dalam mesyuarat itu supaya perang ditamatkan segera dan Iraq berundur dari Kuwait.

"Kita sudah menyatakan kesediaan

kepada Iran untuk menyertai persidangan itu, tetapi apa yang kita tahu setakat ini, cuma 10 negara Islam bersetuju menyertainya.

"Kita berpendapat, OIC bertanggungjawab dalam menyelesaikan krisis Teluk dan sepatutnya ia dapat dibuat sebelum perang meletus," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, kerajaan tidak boleh meramalkan apa tindakan Israel berikutan penyerangan Iraq ke atas Tel Aviv, tetapi "kita tetap menentang pencerobohan negara itu ke atas Palestin."

Mengenai langkah Pas membuka pendaftaran kepada sukarelawan yang berhasrat ke Teluk, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menghalang pemergian rakyat negara ini untuk memberi bantuan tenaga kepada Iraq.

"Ada juga rakyat kita yang pergi sukarela ke Afghanistan, kita tidak membantah, cuma bukan dasar kerajaan menghantar rakyatnya ke Teluk. Kalau kita membantah tindakan Pas itu, mereka akan tuduh kita macam-macam pula," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengumumkan kesediaan kerajaan membantu Persatuan Bulan Sabit Merah yang mengendalikan pelarian Iraq yang dijangka memasuki Jordan, Syria dan Turki.